

**MALAY / MALAIS / MALAYO A1**

**Higher Level / Niveau Supérieur (Option Forte) / Nivel Superior**

Thursday 13 May 1999 (afternoon) / Jeudi 13 mai 1999 (après-midi) / Jueves 13 de mayo de 1999 (tarde)

Paper / Épreuve / Prueba 1

4h

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

Do NOT open this examination paper until instructed to do so.

This paper consists of two sections, Section A and Section B.

**Answer BOTH Section A AND Section B.**

**Section A:** Write a commentary on ONE passage.

**Section B:** Answer ONE essay question. Refer mainly to works studied in Part 3 (Groups of Works); references to other works are permissible but must not form the main body of your answer.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

NE PAS OUVRIR cette épreuve avant d'y être autorisé.

Cette épreuve comporte deux sections, la Section A et la Section B.

**Répondre ET à la Section A ET à la Section B.**

**Section A:** Écrire un commentaire sur UN passage.

**Section B:** Traiter UN sujet de composition. Se référer principalement aux œuvres étudiées dans la troisième partie (Groupes d'œuvres); les références à d'autres œuvres sont permises mais ne doivent pas constituer l'essentiel de la réponse.

**INSTRUCCIONES PARA LOS CANDIDATOS**

NO ABRA esta prueba hasta que se lo autoricen.

En esta prueba hay dos secciones: la Sección A y la Sección B.

**Conteste las dos secciones, A y B.**

**Sección A:** Escriba un comentario sobre UNO de los fragmentos.

**Sección B:** Elija UN tema de redacción. Su respuesta debe centrarse principalmente en las obras estudiadas para la Parte 3 (Grupos de obras); se permiten referencias a otras obras siempre que no formen la parte principal de la respuesta.

## BAHAGIAN A

*Tulislah sebuah ulasan mengenai satu daripada petikan berikut:*

**1. (a)**

Tahap yang paling awal dalam tradisi kritikan kesusasteraan Melayu adalah sederhana sifatnya, iaitu adanya minat terhadap pembacaan sastera dan ada daya penghayatan sastera. Peminat itu mungkin membaca sesbuah karya sastera sampai habis dalam suatu jangka waktu yang pendek, atau mengulang-ulang membacanya beberapa kali sampai tamat.

Hasil dari pembacaannya itu dia sudah pasti dapat merasakan sama karya itu menyenangkan atau pun membosankan, walaupun ini tidak dituliskan atau dianalisiskan. Pembacaannya itu menumbuhkan sesuatu perasaan tertentu terhadap karya yang dibaca.

Selain daripada itu, masyarakat Melayu turut membentuk kritikan kesusasteraan bercorak penghayatan sastera dalam pendidikan di sekolah. Ini kebanyakannya dilakukan oleh guru-guru kesusasteraan; mereka membicarakan karya sastera di dalam bilik darjah di hadapan para pelajarnya. Dalam pelaksanaan ini, mereka sudah mula berdisiplin dan memiliki dasar-dasar tertentu serta pendekatan-pendekatan yang jelas.

Biasanya mereka menggunakan dua pendekatan yang khusus, iaitu pendekatan normatif dan pendekatan pedagogi. Dalam pendekatan ini, karya-karya sastera dibicarakan dengan berdasarkan kepada norma-norma yang sudah ditentukan dengan lebih menitikberatkan nilai-nilai moral dan pendidikan yang terkandung di dalamnya. Tinjauan yang berlandaskan kepada hakikat atau nilai sastera sepenuhnya kurang dilaksanakan.

Dari situlah, kemudiannya, muncul bentuk kritikan kesusasteraan yang berupa kajian, penelitian atau penelaahan, dan bahasan yang dikerjakan oleh tokoh-tokoh sarjana, peminat, dan sasterawan sendiri. Kritikan kesusasteraan begini dilahirkan dengan berdasarkan kepada sesuatu teori dan kerangka acuan tertentu. Pengeraannya adalah lebih mendalam dan rasional, iaitu merupakan usaha yang ke arah mempertingkatkan tahap-tahap pemantapan dan pemahaman yang ternyata utuh terhadap karya sastera. Oleh yang demikian, usaha itu biasanya dilakukan dalam cara yang lebih sistematik, analitik, saintifik, dengan penonjolan kerangka teori yang jelas untuk diungkapkan dalam tulisan kritikan.

Berdasarkan kepada wujudnya tindakan-tindakan yang berorientasikan pertimbangan serta penilaian melalui penggunaan kata-kata dan pengolahan cerita, kita dengan yakin dapat menegaskan bahawa kegiatan kritikan sudah lama bermula dalam masyarakat Melayu. Pada tahap awalnya ia belum mengambil bentuk tersendiri dan belum ada istilah dan konsep khusus: kritikan kesusasteraan.

Disesuaikan dari "Tradisi Kritikan Kesusasteran Melayu" Hashim Awang 1997

1. (b)

**Soneta Anak Desa**

- Di desa ini,  
kehijauan menjadi laut  
angin padang membentuk riak  
mata menjadi lembut  
5      hati sedap mendakap nikmat.
- Kudatang berkali ulang  
memetik daun menyapa suara maya  
melestarikan kesetiaan dan rindu  
dan di sini pun terbasuh jelaga paras  
10     dengan embun tangkai padi  
di tanah milik tradisi.
- Sewaktu-waktu,  
kutegak mengaut desiran  
melepas lelah sejuta hari.

Jihaty Abadi 1989

## BAHAGIAN B

Tulislah sebuah karangan mengenai SATU daripada tajuk-tajuk berikut. Jawapan anda kepada bahagian ini hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada empat karya yang dikaji dalam Bahagian 3. Rujukan kepada karya lain diizinkan tetapi tidak boleh dijadikan bahagian utama jawapan anda.

### Novel

2. *Sama ada*

- (a) Bandingkan cara penulis-penulis novel yang telah anda teliti memaparkan perwatakan bagi watak-watak utama mereka.

Atau

- (b) Huraikan dan bandingkan persoalan-persoalan kemasyarakatan dan sosial yang terdapat dalam dua atau tiga novel yang telah anda kaji.

### Cerpen

3. *Sama ada*

- (a) Persoalan moral sering juga dijadikan tema cerpen-cerpen Melayu. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

Atau

- (b) Cerpen-cerpen Melayu seringkali berkisar pada latar tempat yang hampir sama. Huraikan pandangan ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

### Drama

4. *Sama ada*

- (a) Pertentangan nilai moden dan tradisi seringkali dijadikan tema drama-drama Melayu. Bincangkan sejauh manakah kebenaran kenyataan ini berdasarkan drama-drama yang anda kaji.

Atau

- (b) Bandingkan teknik perwatakan watak utama wanita yang terdapat dalam dua daripada drama yang telah anda teliti.

## Puisi

### 5. *Sama ada*

- (a) Keindahan kampung halaman sering kali dijadikan mesej sampingan yang hendak disampaikan oleh beberapa penyajak Melayu. Bincangkan.

*Atau*

- (b) Kecenderungan kepada kesamaan rima hujung baris masih jelas dalam gaya penulisan sajak oleh beberapa penyajak Melayu. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan sajak-sajak dua orang penyajak yang anda kaji.

## Prosa Tradisi

### 6. *Sama ada*

- (a) Untuk menggambarkan sesuatu watak, karya-karya prosa tradisi biasanya mempunyai gaya penyampaian yang hampir sama antara satu sama lain. Huraikan pendapat di atas berdasarkan prosa tradisi yang telah anda teliti.

*Atau*

- (b) Antara satu prosa tradisi dengan satu prosa tradisi yang lain, sering terdapat kesamaan dari segi jalan cerita. Bincangkan kenyataan ini.

## Puisi Tradisi

### 7. *Sama ada*

- (a) Pemilihan kata pada bahagian pembayang pantun dapat menggambarkan latar masyarakat yang menghasilkannya. Bincangkan berdasarkan pantun-pantun yang anda kaji.

*Atau*

- (b) Terdapat beberapa kategori syair Melayu berdasarkan kandungannya. Dari penelitian anda, nyatakan dan huraikan dengan contoh dua kategori syair Melayu.